

27 SEP 1998

MCA SENTIASA 100 PERATUS BERSAMA DR MAHATHIR

KAJANG, 27 Sept (Bernama) -- MCA menyatakan sokongan padu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani kemungkinan Malaysia dikenakan sekatan ekonomi berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agungnya Datuk Dr Ting Chew Peh berkata parti itu menyokong sepenuhnya Perdana Menteri yang semalam membayangkan kemungkinan tindakan negara asing itu berdasarkan kenyataan ketua ahli ekonomi Bank Dunia Joseph Stiglitz bahawa "usaha melenyapkan bangkangan politik mungkin menyebabkan pelabur enggan datang ke negara ini seperti yang berlaku di Afrika Selatan berhubung soal apartheid."

"Kalau kita semua mahu ikut arahan dia orang (negara asing), habislah kita. Keadaan di sini berbeza dari keadaan di luar negara," kata Ting kepada pemberita selepas melancarkan sebuah projek perumahan di sini.

Beliau berkata apa yang penting bagi seseorang pemimpin ialah mendapatkan sokongan rakyatnya sendiri dan bukannya negara luar dan dalam hal ini, Dr Mahathir terbukti mendapat sokongan rakyat.

"Perdana Menteri mendapat tepukan (sokongan) dari rakyat Malaysia. Ini barulah pemimpin besar. Itulah yang penting. Bukan mahu sokongan orang luar. Ini kosong," kata Ting.

-- BERNAMA

RV MAI